

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 14, 2019 5:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Imarahkan Lagi Budaya Penyelidikan Di UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

14 MAC 2019 / 07 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

IMARAHKAN LAGI BUDAYA PENYELIDIKAN DI UUM



UUM ONLINE: "Universiti tiada halangan untuk memberikan peruntukan kepada penyelidik yang akan menjalankan *applied research*," ujar Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani ketika melawat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), semalam.

Menurut beliau, ini bertujuan untuk mengimarahkan budaya penyelidikan di UUM, di samping memberi fokus kepada aktiviti penyelidikan yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat dan industri daripada *applied research* yang dijalankan.

Katanya, asalkan apa jua penyelidikan yang dilakukan haruslah memberi impak positif dan memberi manfaat terhadap kehidupan sejagat masyarakat di luar sana.

Pada lawatan muhibah beliau itu, Pengarah RIMC, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf telah memberikan taklimat tentang latar belakang RIMC, prestasi UUM, strategi RIMC, isu dan cabaran serta tindakan yang disyorkan.

Beliau juga menerangkan tentang prestasi MyRA yang diperoleh UUM sejak 2013 hingga 2017, diikuti strategi RIMC bagi memenuhi jangkaan penyelidik, industri, rakan pintar/strategik dan komuniti/NGO dengan meningkatkan proses teras dan keberkesanan sistem penyampaian.

Selain itu, Naib Canselor turut dimaklumkan tentang isu dan cabaran dihadapi RIMC seperti penurunan geran penyelidikan, geran industri dan antarabangsa tidak mencukupi, bilangan Scopus dan sitasi rendah serta kekangan tenaga kerja.

Terdahulu, Naib Canselor melawat Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) yang mana beliau telah disambut Pengarahnya, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar.

Di IPQ, beliau telah diberikan taklimat tentang pengurusan dan hala tuju IPQ, kemudian meneruskan lawatan muhibah ke Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC).

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, sebagai sebuah pusat tanggungjawab (PTJ) yang menfokuskan kepada kerjasama antara universiti dan industri, CUIC harus perluaskan hubungan dengan industri dalam memastikan kebolehpasaran graduan UUM.

Selain itu, menurutnya, CUIC juga boleh mengintai peluang kerjasama itu dengan syarikat-syarikat kosmetik terkemuka seperti Revlon dan Maybelline.

Beliau juga mencadangkan CUIC untuk meneliti Program 2u2i yang menggabungkan pembelajaran akademik dan aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja.

Katanya, menerusi program itu, pelajar akan menghabiskan dua (2) tahun di universiti dan dua (2) tahun di industri bagi menimba pengalaman pembelajaran dalam industri.

Naib Canselor berkata demikian ketika mengadakan lawatan muhibah ke CUIC dan beliau telah disambut Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek Abdul Malek yang kemudian memperkenalkan pengurusan CUIC serta mengadakan pembentangan tentang hala tuju dan projek khas serta isu yang dihadapi.

Lawatan beliau diakhiri di Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) yang mana kedatangan beliau telah disambut Pengarah, Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat.

Dalam pertemuan itu, Naib Canselor meminta CeTMA untuk lebih fokus pada peranan dan hala tuju yang jelas serta melihat semula peranan antara PTJ bagi mengelak pertindihan berlaku.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.